

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Ketua Polis Negara Bahagian Kewangan  
Pengarah Jabatanarah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)  
Semua Ketua Perwakilan Luar Negeri  
Semua Ketua Akauntan/Akauntan Kanan Jabatan Mengakaun Sendiri  
Semua Pengarah Cawangan/Jabatan Akauntan Negara  
Semua Pusat Gaji



Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan,

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA  
SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
BIL. 2 TAHUN 2001  
PERATURAN PEMBAYARAN IMBUHAN BAGI TAHUN 2001 KEPADA PEGAWAI SEKTOR AWAM**

### 1. TUJUAN

- 1.1. Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk menetapkan peraturan pembayaran imbuhan bagi tahun 2001 kepada pegawai sektor awam.
- 1.2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersamaan dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2001, Imbuhan Tahunan 2001.

### 2. ASAS PERKIRAAN IMBUHAN

- 2.1. Kadar Imbuhan yang perlu dibayar hendaklah dikira berdasarkan kepada gaji pokok (termasuk elauan memangku) yang telah dibayar bagi bulan Oktober 2001 kecuali pegawai yang tidak lagi berkhidmat pada bulan Oktober 2001, perkiraan adalah berdasarkan kepada gaji pokok terakhir.
- 2.2. Kadar pembayaran imbuhan bagi Tahun 2001 telah ditetapkan sebanyak setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM 1,000.00.

### 3. PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN IMBUHAN

- 3.1. Pembayaran akan dibuat separuh pada 31 Oktober 2001 dan separuh lagi pada 22 November 2001. Dalam membuat pembayaran ini, peraturan-peraturan berikut telah dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat:-

#### 3.1.1. Cukai Pendapatan

- 3.1.1.1. Cukai pendapatan tidak perlu dipotong dari amaun imbuhan yang hendak dibayar, tetapi imbuhan tersebut hendaklah diambil kira dalam Penyata Pendapatan Tahunan.

#### 3.1.2. Potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

- 3.1.2.1. Dibawah tafsiran 'upah' dalam seksyen 2, Akta KWSP 1991, imbuhan tahun 2001 ini adalah dikenakan caruman KWSP. Potongan caruman pekerja dan bayaran caruman majikan perlu dibuat sewajarnya.

#### 3.1.3. Penyata Perubahan (Kew.8)

3.1.3.1. Penyata Perubahan tersebut tidak perlu disediakan untuk pembayaran imbuhan ini. Jabatan Akauntan Negara Malaysia/Jabatan Mengakaun Sendiri akan mengeluarkan Laporan R620A sebagai menggantikan Penyata Perubahan.

#### 3.1.4. Dokumen Sokongan Untuk Baucer Berasingan

3.1.4.1. Oleh kerana Kew.8 tidak diperlukan maka semasa mengemukakan baucar berasingan untuk pembayaran imbuhan ini dokumen berikut boleh diterima sebagai dokumen sokongan:-

- a. Salinan Laporan Gaji bulan Oktober 2001, atau
- b. Salinan Penyata Gaji (pay slip) bulan Oktober 2001 atau
- c. Salinan Lembaran Gaji Manual bulan Oktober 2001 atau
- d. Catatan perkiraan imbuhan samada disediakan atas kertas berasingan atau ditaip di belakang baucar.

#### 3.1.5. Kod Urusniaga Imbuhan

3.1.5.1. Kod-kod urusniaga Imbuhan yang perlu digunakan adalah seperti berikut:-

KOD SODO	KOD ELAUN	
15103	- 0028 -	Imbuhan Tahunan Kakitangan Awam
15204	- 0029 -	Imbuhan Tahunan Pasukan Keselamatan
29304	- 0030 -	Imbuhan Tahunan Pekerja Sementara Dan Sambilan Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap

- 3.2. Seperti yang telah ditetapkan di Perenggan 5 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2001, pembayaran keseluruhan imbuhan Tahunan adalah menjadi tanggungan Jabatan/Agensi yang baru dimana pegawai ditempatkan. Walau bagaimanapun untuk pegawai dan kakitangan Jabatan Persekutuan dimana gaji dibayar oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia/Jabatan Mengakaun Sendiri dan gaji mereka masih dibayar oleh pejabat lama untuk gaji bulan Oktober 2001, maka separuh imbuhan tahunan akan dibayar di pejabat lama tersebut. Peraturan yang sama juga digunakan untuk baki imbuhan bulan November 2001. Tetapi sekiranya imbuhan ini tertinggal dari gaji yang disediakan oleh pejabat lama, maka pejabat baru hendaklah menyediakan imbuhan tahunan secara baucar berasingan.
- 3.3. Jabatan hendaklah menyemak semula amaun imbuhan yang dibayar dalam bulan Oktober 2001 dan November 2001 bagi semua Pegawai Sektor Awam berkenaan terutama sekali mereka yang tidak layak menerima imbuhan dan mereka yang hanya layak menerimanya secara "proportionate" seperti yang tersebut di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2000. Adalah menjadi tanggungjawab Jabatan mengutip semula atau memotong daripada bulan berikut amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang Pegawai Sektor Awam.

#### **4. PERUNTUKAN UNTUK MEMBAYAR IMBUHAN**

- 4.1. Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan hendaklah membayar imbuhan ini daripada peruntukan Belanja Mengurus 2001 yang sedia ada. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

**(SITI MASLAMAH BINTI OTHMAN)**

**Akauntan Negara Malaysia.**

Oktober 2001.

s.k. 1. Ketua Audit Negara.

Semua Pegawai Kewangan Negeri.  
Semua Akauntan/Bendahari Negeri.  
Semua Pengurs Badan-badan Berkanun Persekutuan/Negeri.  
Semua Pengurus Pihak Berkuasa Tempatan.  
Ketua Pengarah, Jabatan Hasil Dalam Negeri.  
Pengurus Besar KWSP.